

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

Fungsi Bahasa Kebangsaan

Oleh NIK SAFIAH KARIM

Demi kesempurnaan pelaksanaan pelan ini dan meneruskan usaha memartabatkan bahasa Melayu, sebaik-baiknya huraian tentang bahasa Melayu tidak kelihatan dianaktirikan. Pelan ini dilihat kurang menegaskan usaha memartabatkan bahasa Melayu sebaliknya lebih memperkukuh dan sekali gus memartabatkan bahasa Inggeris.



Peranan bahasa kebangsaan dalam memenuhi aspirasi negara dan pembinaan jati diri bangsa tidak boleh dinafikan.

Pada 11 September 2012, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan (PPP) untuk dinilai dan diberikan pandangan oleh seluruh rakyat Malaysia.

Pelan ini merupakan hasil daripada satu kajian yang dilakukan pada Oktober 2011. Antara kajian yang dilakukan termasuklah mengkaji semula sistem pendidikan daripada beberapa perspektif seperti peningkatan aspirasi negara, peningkatan standard pendidikan antarabangsa serta harapan masyarakat terhadap sistem pendidikan dalam mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi keperluan abad ke-21.

Penekanan diberikan kepada visi sistem pendidikan dan murid yang dapat memahami keperluan negara pada masa hadapan. Pelan ini juga mencadangkan 11 anjakan strategik dan operasi yang perlu dilaksanakan oleh

Malaysia (KPM) bagi mencapai visi yang dihasratkan.

Laporan awal PPPM ini juga menyentuh aspek kebahasaan khususnya bahasa Melayu. Aspek bahasa ini ditekankan dalam Bab 2: *Visi dan Aspirasi* dan Bab 4: *Pembelajaran Murid*. Apabila kita menyebut visi dan aspirasi, semestinya Kementerian berhasrat untuk melahirkan generasi yang terdidik dengan pendidikan yang sempurna dan mantap. Antara hasil yang ingin dicapai termasuklah akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan.

Jika kita mengimbas kembali Laporan Razak 1956, laporan tersebut merencanakan suatu sistem pendidikan kebangsaan yang menjamin tempat di sekolah untuk semua kanak-kanak tanpa mengira etnik atau latar belakang sosioekonomi dan menyediakan persekitaran pembelajaran yang menghargai perpaduan dalam kepelbagaian. Dalam beberapa ucapan Tun Abdul Razak pada sekitar tahun-tahun berkenaan,

tiga daripadanya diperturunkan di bawah untuk menunjukkan apa-apa yang ditekankan oleh Tun Abdul Razak:

- (i) Dalam ucapan pada tahun 1960 yang tersimpan di Arkib Negara dan dipetik daripada makalah Datuk Zainal Abidin Wahid; *It is hoped that this concerted use of the National Language ... will inculcate in all citizens the habit of using it regularly. It is only in this way that they will feel they belong to this country, and that the National Language is a real living force that binds them together.*
- (ii) Dalam satu ucapan setahun kemudian (1961) yang juga tersimpan di Arkib Negara, aspek yang sama masih ditekankan: *It is vital to ensure that our education system does not continue to exist in separate compartments insulated from each other.*
- (iii) Dalam ucapan yang sama (1961) juga, sekali lagi

Peringkat 1 Laporan Razak (1956)	Peringkat 2 Laporan Rahman Talib (1960)
Sukatan pelajaran sama untuk semua sekolah.	Umur persekolahan dinaikkan dari 12 tahun ke 15 tahun - kenaikan darjah secara automatik ke Tingkatan 3.
Pusat latihan perguruan ditubuhkan.	Penubuhan sekolah lanjutan untuk murid yang gagal mendapat tempat di sekolah menengah akademik.
Menghasilkan buku teks yang sama untuk semua sekolah kebangsaan.	Peperiksaan awam hanya menggunakan bahasa rasmi sahaja.
Bahasa kebangsaan wajib untuk semua sekolah kebangsaan.	Bantuan kewangan untuk sekolah Melayu dan Inggeris sahaja.
Tempat belajar untuk semua di sekolah kebangsaan.	Pendidikan percuma untuk semua sekolah menengah rendah. Sekolah teknik dan vokasional ditubuhkan untuk memberi latihan dalam bidang teknikal.

Laporan Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1960) merencanakan sistem pendidikan yang menjamin tempat untuk semua kanak-kanak tanpa mengira latar belakang sosioekonomi.

Education - General

diulangi kepentingan bahasa kebangsaan untuk negara ini: *Begitu juga kerajaan menggalakkan perkembangan bahasa kebangsaan untuk menyatukan penduduk-penduduk negeri ini.*

Jelaslah bahawa melalui pelan ini, sewaktu memperkatakan hasrat negara untuk memupuk perpaduan, bahasa kebangsaan tidak dianggap sebagai salah satu faktor penting dalam proses tersebut. Bahkan, dalam pelan ini, bahasa kebangsaan tidak disebut langsung, seolah-olah tidak mempunyai apa-apa peranan. Sebaliknya, yang dipentingkan adalah seperti yang dinyatakan dalam pelan ini, iaitu:

“Melalui interaksi dengan individu daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama dan etnik, murid belajar memahami, menerima dan menghargai kepelbagaian. Maka perkongsian nilai dan pengalaman dapat dibina untuk masa depan Malaysia. Melalui nilai dan pengalaman ini, maka terbentuk identiti nasional yang sama dan terjalinnnya perpaduan negara.”

Tidak dinafikan bahawa kepelbagaian latar belakang dan pengalaman bersama merupakan faktor yang dapat membawa ahli masyarakat ke arah perpaduan, tetapi itu sahaja tidak akan menjamin pencapaian yang seratus peratus sempurna. Tambahan pula, menafikan peranan bahasa kebangsaan bertentangan dengan pegangan sejumlah besar ahli bahasa tentang peranan bahasa tersebut dalam konteks perpaduan negara.

Mengikut Garvin dan Mathiot, dua orang ahli bahasa

yang menumpukan perhatian kepada aspek peranan bahasa kebangsaan dalam sesebuah negara menyatakan bahawa terdapat tiga fungsi simbolik sesuatu bahasa kebangsaan, iaitu **fungsi pemersatuan, fungsi pengasingan dan fungsi prestij**. Dari sudut **fungsi pemersatuan**, sesuatu bahasa kebangsaan bertindak sebagai alat yang

Pelan ini memperlihatkan kebenaran bahawa ketiga-tiga fungsi bahasa kebangsaan tersebut tidak mendapat perhatian. Peranan bahasa kebangsaan tidak dianggap penting. Pada hakikatnya, faktor bahasa dapat membantu proses ini sebagaimana tercermin dalam Laporan Razak 1956.

menghubungkan penutur yang menuturkan berbagai-bagai dialek bahasa yang sama atau bahasa yang berlainan. Penggunaan satu bahasa yang sama sebagai bahasa kebangsaan akan menyatupadukan mereka ke dalam satu masyarakat yang utuh.

Fungsi pengasingan bahasa kebangsaan pula bermaksud

peranan bahasa itu sebagai bahasa terasing daripada bahasa-bahasa lain yang digunakan dalam masyarakat, dan dengan demikian bertugas sebagai lambang jati diri negara secara tersendiri. Melalui **fungsi prestij** bahasa kebangsaan dianggap sebagai bahasa^a yang akan menimbulkan perasaan atau semangat megah akan negara sendiri.

Hal ini disokong oleh kenyataan Joshua Fishman, seorang ahli sosiolinguistik, yang membuat kenyataan berikut sewaktu membincangkan peranan pemersatuan bahasa kebangsaan. Menurut beliau, penggunaan satu bahasa kebangsaan, *can lead to common mobilisation and involvement above, beyond, and at the expense of pre-existing ethnic-cultural peculiarities... These languages may and have become a symbol of supra-local ethnic-cultural identification, that is, of ethnic-cultural identification, at the nationality level.*

Pelan ini memperlihatkan kebenaran bahawa ketiga-tiga fungsi bahasa kebangsaan tersebut tidak mendapat perhatian. Peranan bahasa kebangsaan tidak dianggap penting. Pada hakikatnya, faktor bahasa dapat membantu proses ini sebagaimana tercermin dalam Laporan Razak 1956.


Satu ciri kepincangan pelan ini ialah sikap menidakkan peranan yang dapat dimainkan oleh bahasa kebangsaan dalam proses pembinaan jati diri dan sebagai asas bagi pemupukan perpaduan. Kita tidak mengatakan bahawa ciri ini merupakan satu-satunya yang perlu ada, tetapi faktor bahasa kebangsaan sebagai gabungan dengan ciri-ciri lain yang telah disebut, iaitu kepelbagaian latar belakang dan pengalaman

yang dikongsi bersama sewaktu membesar, terutama dalam situasi persekolahan, akan memastikan kejayaan yang lebih sempurna.

Sekali lagi kita lihat tidak ada pengakuan akan peranan bahasa kebangsaan. Jati diri kebangsaan terutamanya diharap akan dicapai melalui cara lain yang tidak melibatkan bahasa sebagai salah satu alat yang penting. Penafian ini menjadikan pelan ini kurang sempurna. Peranan bahasa kebangsaan perlu digandingkan bersama-sama cara lain yang dikemukakan bagi memenuhi aspirasi negara dan pembinaan jati diri bangsa.

Bab 4 memberikan tumpuan kepada aspek pembelajaran murid. Matlamat utama bab ini adalah untuk menghasilkan kurikulum dan pentaksiran yang selaras dengan tanda aras antarabangsa. Oleh itu, dasar bahasa akan dikemas kini bagi menghasilkan kemahiran berbahasa, sekurang-kurangnya dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Dalam hal ini, pujian diberikan kepada KPM kerana dalam pelan ini perkara tersebut dibincangkan dengan agak teliti terutama tentang cara-cara meningkatkan kurikulum dan pentaksiran yang ingin dicapai. Tiga dimensi telah dihasilkan, iaitu kurikulum bertulis, kurikulum yang diajarkan dan kurikulum untuk pentaksiran, dan pelan tindakan telah disusun mengikut tiga gelombang, iaitu **Gelombang 1** meliputi jangka masa 2013-2015, **Gelombang 2**, 2016-2020 dan **Gelombang 3**, 2021-2025.

Gelombang 1 memberikan tumpuan kepada aspek penambahbaikan kurikulum sedia ada dan persediaan untuk perubahan struktur. Sebahagian besar bahagian ini baik dan dapat diterima. Namun demikian, dalam



Peranan dan fungsi bahasa kebangsaan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia seolah-olah diabaikan.

konteks LINUS 1.0, yang telah dilaksanakan dan dikatakan memperlihatkan kejayaan bahasa Melayu, kenyataan seolah-olah persoalan bahasa Melayu telah selesai agak simplistik. Kenyataan ini timbul pelbagai persoalan seperti yang berikut:

1. Tidak perlukah langkah susulan dibuat?
2. Berpuas hatikah kita semata-mata dengan kenyataan “peningkatan literasi bahasa Malaysia daripada 67% kepada 98%”?
3. Tidak adakah aspek penggunaan bahasa Melayu yang harus kita berikan tumpuan seperti pengungkapan yang tinggi dan berilmu?
4. Adakah tahap penguasaan bahasa ilmu atau bahasa puitis memuaskan?

Seharusnya kita tidak hanya berpuas hati setakat pelajar dapat menjawab soalan dalam peperiksaan atau temu duga semata-mata kerana realitinya

kita sedar betapa rendahnya penguasaan bahasa Melayu formal oleh para remaja dan ahli masyarakat umum pada masa ini.

Sehubungan dengan itu, dicadangkan supaya satu kenyataan dimasukkan pada halaman 4-7, selepas perenggan pertama bahawa keberkesanan LINUS 1.0 akan terus dikaji dan dikemas kini. Oleh yang demikian, pengenalan LINUS 2.0 nanti, yang akan memberikan tumpuan kepada bahasa Inggeris tidak akan memberikan gambaran pengabaian atau menganaktirikan akan bahasa kebangsaan sendiri.

Gelombang 2 dan **Gelombang 3** menumpukan perhatian kepada pelaksanaan kurikulum bahasa dan kurikulum sedia ada. Dalam konteks ini, huraian tentang **Gelombang 1**, kelihatan bahawa pelan ini terlalu berat sebelah kepada bahasa Inggeris. Jelas sekali bahawa pihak KPM menganggap pengajaran dan pembelajaran

bahasa Melayu bukanlah masalah besar menyebabkan huraiannya dalam pelan ini pendek dan ringkas. Sebaliknya huraiannya berkaitan dengan bahasa Inggeris dijelaskan dengan amat teliti dan panjang lebar. Tindakan sedemikian akan membawa mesej bahawa KPM menganggap bahasa Inggeris lebih penting daripada bahasa Melayu. Contohnya, seperti yang berikut:

1. Pengenalan Gelombang 2 (halaman 4-7)

Pelan ini membuat spesifikasi mengenai hasrat KPM dalam kecekapan bahasa. Daripada enam hasrat, hanya satu bersifat khusus tentang bahasa Melayu, satu untuk kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, dan satu untuk bahasa tambahan tetapi tiga mengenai bahasa Inggeris, menjadikan jumlah untuk bahasa Inggeris ialah empat. Hal ini jelas menunjukkan pemberatan terhadap bahasa Inggeris.

Seharusnya, perenggan yang membuat rujukan pada LINUS 2.0 (bahasa Inggeris) boleh ditambah dengan sedikit maklumat tentang LINUS 1.0 (bahasa Melayu). Oleh yang demikian huraiannya perenggan tersebut dapat dikatakan menumpukan perhatian kepada kedua-dua bahasa. Demikian juga dengan usaha peningkatan ujian dan kemahiran guru bahasa Inggeris boleh diaplikasikan kepada guru bahasa Melayu kerana mereka juga memerlukan. Tidak membuat rujukan kepada kemahiran guru bahasa Melayu boleh membawa dua implikasi, iaitu tidak berminat dengan kemahiran guru bahasa Melayu dan tidak berniat untuk membaiki taraf guru bahasa Melayu. Kedua-dua pendirian ini jelas

membuktikan sikap berat sebelah terhadap guru bahasa Melayu dan mata pelajaran Bahasa Melayu.

2. Pelan Tindakan Gelombang 1 (halaman 4-10)

KPM telah merangka pelan tindakan bagi Gelombang 1 dengan baik dan relevan. Walau bagaimanapun, huraiannya terperinci yang dinyatakan

Huraian yang terlalu ringkas menggambarkan betapa pelan ini kurang berminat terhadap isu peningkatan bahasa Melayu. Dasar MBMMBI nampaknya tidak dipegang secara serius dan pada dasarnya tidak kelihatan langsung keinginan untuk memartabatkan bahasa Melayu.

sekali lagi kelihatan berat sebelah atau kelihatan seolah-olah sudah ketandusan idea bagi memperincikan pelan tersebut. Di bawah judul *Memperkuhkan Sistem Sedia Ada*, terdapat dua perkara yang boleh dipersoalkan berkaitan dengan huraiannya tentang bahasa Melayu.

Pertama ialah kenyataan dalam satu perenggan sahaja tentang

“usaha untuk meningkatkan standard bahasa Melayu terutamanya di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK).” Penekanan yang cuba diberikan lebih kepada bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK), sedangkan dalam soal peningkatkan dan pemertabatan bahasa Melayu seharusnya merangkum skop yang lebih luas. Bagaimanakah halnya dengan bahasa Melayu di sekolah aliran perdana dan peringkat prauniversiti? Sudah selesaikah masalah penguasaan bahasa Melayu di sekolah tersebut?

Kedua, huraiannya yang terlalu ringkas menggambarkan betapa pelan ini kurang berminat terhadap isu peningkatan bahasa Melayu. Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) nampaknya tidak dipegang secara serius dan pada dasarnya tidak kelihatan langsung keinginan untuk memartabatkan bahasa Melayu.

Di bawah judul *Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu*, huraiannya yang diberikan amat pendek iaitu hanya dalam dua perenggan sahaja dan huraiannya bersifat umum tanpa perincian. Persoalannya adakah bahagian pertama gerakan MBMMBI, iaitu memartabatkan bahasa Melayu akan berjaya dilaksanakan jika huraiannya begitu ringkas?

Dokumen ini kelihatan tidak mempunyai bimbingan tentang cara bagaimana memartabatkan bahasa Melayu harus dikendalikan. Sebaliknya, di bawah judul *Memperkuhkan Pengajaran Bahasa Inggeris* nyata diberikan perincian yang sangat mendalam dengan menyentuh pelbagai aspek sebagai tindakan. Dalam lapan perenggan serta satu jadual, aspek memperkuh bahasa Inggeris dihuraikan

dengan mendalam. Pelan ini juga menyebut tentang pelaksanaan transformasi pada tahap kemahiran bahasa Inggeris melalui pemurnian struktur sistem yang sedia ada.

Jelas sekali betapa rapinya perancangan dalam usaha mengukuhkan kedudukan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan negara sekali gus dalam keseluruhan masyarakat kita. Usaha ini amat baik dan wajar mendapat pujian. Walaubagaimanapun, di samping mengakui kepentingan peranan bahasa Inggeris dalam dunia global dan pada masa yang sama juga mencintai bahasa kebangsaan, timbul rasa terkilan kerana bahasa kebangsaan kurang mendapat perhatian dan penekanan serta huraiannya yang terperinci bagi memartabatkan bahasa Melayu seperti yang diberikan kepada bahasa Inggeris.

Sudah pasti pelbagai persoalan berkaitan dengan bahasa Melayu berlegar-legar di dalam minda kita. Antara persoalan yang timbul adalah seperti yang berikut:

- Sudah adakah sistem ujian bagi menentukan tahap kemahiran guru bahasa Melayu? Siapakah yang mengendalikannya dan apakah tindakan susulan yang dilakukan?
- Sudahkah diwujudkan sistem pengklasifikasian guru bahasa Melayu berdasarkan kemahiran mereka?
- Bagaimanakah dan siapakah yang menyusun kursus penambahbaikan bagi guru bahasa Melayu yang sedia ada?
- Bagaimanakah program LINUS 1.0 dapat memberikan manfaat kepada bahasa Melayu dan apakah program susulannya? Apakah KPM mengamalkan sikap berpuas hati tentang perkara ini?



**BULAN BAHASA
KEBANGSAAN**

مرتبکن بهاس کبڠساان کبت

**MARTABATKAN
BAHASA
KEBANGSAAN KITA**

Bahasa Melayu akan mendapat martabat hanya apabila rakyat negara ini benar-benar menjiwainya.

- e) Bagaimanakah penggunaan bahasa Melayu dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)? Wujudkah satu model yang eksplisit, sebagaimana banyaknya model untuk bahasa Inggeris pada masa ini? Sekiranya semua aspek tersebut sudah pun dilaksanakan oleh KPM, mengapakah pelaksanaan itu tidak disebut semula sebagai ulangan dan imbas kembali kepada pihak yang berkenaan atau sekadar melaporkan pencapaian serta langkah penambahbaikan seterusnya? Jawapan setiap persoalan tersebut sepatutnya dimasukkan ke dalam pelan tersebut.

Demi kesempurnaan pelaksanaan pelan ini dan meneruskan usaha memartabatkan bahasa Melayu, sebaik-baiknya huraiannya tentang bahasa Melayu tidak

kelihatan dianaktirikan oleh pihak KPM. Pelan ini dilihat kurang menegaskan usaha memartabatkan bahasa Melayu sebaliknya lebih memperkuh dan sekali gus memartabatkan bahasa Inggeris.

Pelan ini tidak bersifat untuk memartabatkan bahasa Melayu sebaliknya hanya untuk memperkuh dan sekali gus memartabatkan bahasa Inggeris. Seharusnya beberapa tambahan dibuat khususnya dalam memberikan huraiannya yang spesifik dan berkesan demi menghasilkan bahasa Melayu yang benar-benar mempunyai martabat dan tidak sekadar melepaskan batuk di tangga. Cogan kata “Bahasa Jiwa Bangsa” perlu dijadikan satu perkiraan penting. Bahasa Melayu akan mendapat martabat hanya apabila rakyat negara ini benar-benar menjiwainya. DB